*Journal of Business and Social Development* *ISSN: 2289-2915*
*Volume* 3 *Number* 1, March 2015: 25-32 *© Penerbit UMT*

# PENERBITAN ILMIAH BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN ILMUWAN NEGARA

(MALAY LANGUAGE SCHOLARLY PUBLICATION AMONG LOCAL ACADEMICIANS)

NORAIEN MANSOR* DAN NOOR ROHANA MANSOR

*Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu.*

**Corresponding author: aien@umt.edu.my*

**Abstrak:** Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara masih melalui proses untuk mencapai tahap ketertinggian kedudukannya selaras dengan status yang termaktub sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu negara. Namun demikian sejauh manakah keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam negara telah berjaya dimartabatkan dalam penerbitan kesarjanaan akademia ilmuwan negara? Ini kerana ahli akademik negara bertanggung jawab dan memainkan peranan penting dalam melaksanakan amanah untuk membawa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara ke tahap global dalam konteks penerbitan ilmiah. Kajian kes ini melibatkan 13 Kluster yang bernaung di bawah Majlis Profesor Negara (MPN) dalam tahun 2014. Penilaian dilaksanakan ke atas penerbitan ilmiah yang difokuskan kepada tiga kategori utama iaitu penerbitan buku (buku, monograf, bab dalam buku), artikel dalam jurnal dan artikel dalam prosiding. Melalui penyelidikan yang telah dijalankan ini amat jelas dan ketara sekali, penerbitan ilmiah bagi semua kluster diungguli oleh penerbitan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tidak menjadi pilihan atau keutamaan dalam kalangan ilmuwan untuk melaksanakan penerbitan ilmiah mereka. Situasi ini masih jelas memaparkan IPTA di Malaysia tidak memberi sumbangan yang memberangsangkan atau mengambil peranan untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang penerbitan walaupun sudah dalam makluman mereka bahawa bidang ini merupakan agen terpenting yang boleh mengangkat bahasa ibunda kita ke peringkat global.

Kata kunci: Bahasa, Melayu, ilmuwan, memartabatkan, penerbitan.

***Abstract:*** *As a national higher learning language, Malay language is still climbing up to the peak of highest hierarchy parallel with its status as an official language, national langugage and knowledge. However, on what extent Malay language as a higher learning language able to uphold by the local academicians? They are liable to bring the Malay language globally within the context of scholarly publication. This case study was includes 13 clusters under the 2014 National Professors Council. Evaluations regarding scholarly publication had focus into 3 main categories, which are book publication (book, monographs, chapter in book), article in journal and article in proceeding. Clearly, the findings found that publication of all clusters dominated by the English language thus Malay language has not been in favor and priority among local academicians in their publication. This scenario shows that Malaysia higher education institues were not given contribution or taking actions to strengthen Malay language although they have known publication is a crucial part to boost our mother tongue internationally.*

*Keywords: Language, Malay, scholars, publication..*

## Pengenalan

Usaha untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara mempunyai kewajarannya selaras dengan kedudukan dan mandatnya seperti yang telah termaktub di dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Bahasa Melayu secara tradisinya tidak lagi terhad hanya untuk mengungkapkan bidang bahasa dan sastera semata-mata. Dalam hal ini juga Teo Kok Seong (2013) telah merumuskan bahawa bahasa Melayu telahpun mencapai taraf bahasa moden seperti bahasa Inggeris berasaskan dua ukuran penting dari aspek korpus dan ragam bahasa yang telah mantap dan stabil. Bahasa Melayu yang mempunyai korpus bahasa Melayu yang sudah lengkap dan sempurna memperlihatkan kemantapannya yang mampu dijadikan bahasa ilmu tinggi. Tegasnya, bahasa Melayu berupaya untuk membicarakan bidang akademia secara ilmiah dalam penyampaian dan pemindahan ilmu mahupun sebagai wahana komunikasi minda kepada masyarakat.

Justeru, sejauh manakah keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam negara

telah berjaya dimartabatkan dalam penerbitan kesarjanaan akademia ilmuwan negara? Hal ini kerana ahli akademik negara bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam melaksanakan amanah untuk membawa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara ke tahap global dalam konteks penerbitan ilmiah. Penerbitan ilmiah khususnya melalui karya buku, artikel dalam jurnal dan prosiding menjadi pentas utama bagi ahli akademik di institusi pengajian tinggi negara mendesiminasikan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi terkini kepada masyarakat. Hasil penyelidikan dan penerbitan ilmiah memberi peluang kepada perkongsian ilmu sejagat yang dapat mempamerkan keupayaan dan kesarjanaan akademia negara dalam mengekalkan tradisi keilmuan negara dan seterusnya mampu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi.

Ahli akademik di institusi pengajian tinggi negara adalah golongan sarjana yang mempunyai tugas dan tanggungjawab utama untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi menerusi karya penulisan dan penerbitan ilmiah mereka. Persoalannya bagaimanakah senario penghasilan karya penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu oleh ahli akademik negara? Sejauh manakah keupayaan para ilmuwan negara menghasilkan karyawan dan penerbitan ilmiah menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama pengkaryaan mereka? Mampukah para ilmuwan negara menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam mengungkap kepelbagaian ilmu merentas bidang kepakaran? Tegasnya segala persoalan ini akan terjawab menerusi hasil penyelidikan yang telah dijalankan dengan matlamat untuk mengkaji dan menganalisis sejauh manakah para ilmuwan negara telah melibatkan diri dalam penulisan dan penerbitan ilmiah demi mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara.

**Sorotan Literatur**

Penulisan dan penerbitan ilmiah dalam kalangan ahli akademik menjadi pentas perkongsian dan penyebaran ilmu hasil daripada penyelidikan serta inovasi yang telah dilaksanakan. Zaini Ujang (2007) dalam penulisannya turut mengulas tentang kepentingan dan hubungan di antara penulisan dan penerbitan ibarat isi dengan kuku. Seseorang ilmuwan menjadi tersohor disebabkan sumbangan yang tersurat dalam bentuk penulisan yang dinilai rakan sepakaran untuk penerbitan.

Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor (2013) menjelaskan penggunaan bahasa Melayu mendominasi dasar penerbitan ilmiah di IPTA dengan peratusan sebanyak 83.3% bagi tempoh tiga tahun penelitian dari 2010 hingga 2012. Penerbitan artikel jurnal berbahasa Melayu dalam bidang sains sosial mencatat jumlah tertinggi sebanyak 66% berbanding sains dan teknologi (27%), kejuruteraan (4%) dan perubatan (3%). Sebaliknya bagi penerbitan jurnal berbahasa Melayu, bidang sains dan teknologi mencatat penggunaan bahasa Melayu tertinggi iaitu 47% berbanding sains sosial (40%), perubatan (9%) dan kejuruteraan (4%). Selanjutnya dalam penghasilan karya buku ilmiah dalam bahasa Melayu, bidang sains sosial mencatat bilangan penulisan dan penerbitan buku ilmiah berbahasa Melayu tertinggi sebanyak 88% berbanding penulisan dalam bidang sains dan teknologi (8%), bidang perubatan dan kejuruteraan (2%). Begitu juga bagi penulisan dan penerbitan modul pengajaran di IPTA, bidang sains sosial mencatat pengkaryaan dalam bahasa Melayu tertinggi sebanyak 89% berbanding 8% hasil karya dalam bidang sains dan teknologi.

Kajian daripada penerbitan sejarah lampau dalam negara juga telah membuktikan bahawa kehebatan martabat bahasa Melayu telahpun dijulang sebagai bahasa ilmu tinggi dalam penulisan dan penerbitan ilmiah sejak zaman silam negara iaitu zaman pra-Merdeka (Noor Rohana Mansor, 2014). Sejarah telah membuktikan bahawa pada ketika itu bahasa Melayu sudah pun berperanan sebagai media penyebaran persuratan ilmu falsafah yang tinggi di alam Melayu Nusantara (Abdul Hamid Mahmood, 1995). Di samping itu, perkembangan penulisan tentang ketatanegaraan dan kenegaraan juga giat diterbitkankan. Antaranya,

buku-buku tentang hukum yang terkenal seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Johor, Undang-undang Perak, dan Undang-undang Kedah (Awang Sariyan, 1995).

Pengembangan ilmu secara khusus dalam penerbitan dalam kalangan sarjana Melayu ketika itu juga dikatakan hebat yang menyentuh karya berkaitan ilmu falak selaras dengan karya-karya besar oleh ahli falak pada zaman kegemilangan tamadun Islam (Abdul Hamid Mahmood, 1995). Tegasnya, hasil-hasil penerbitan karya ini menjelaskan kepada kita betapa tingginya martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang telahpun mempunyai laras bahasa saintifik dalam kepelbagaian bidang untuk membicarakan hal yang berkaitan ilmu falak dan astronomi di samping bidang keagamaan, ketatanegaraan dan kesusasteraan. Bahasa Melayu ketika itu telah menepati ciri-ciri sebagai bahasa ilmu yang dapat membicarakan ilmu dalam bidang berkenaan dengan perbendaharaan kata yang betul, sesuai dan tepat serta penggunaan tatabahasa yang mantap walaupun menggunakan tulisan huruf jawi ataupun rumi dalam bahasa Melayu. Impaknya menjelaskan tentang tradisi ilmu yang memartabatkan bahasa Melayu telah dikembangkan sejak sekian lama dalam konteks penerbitan ilmiah dan telah mendapat penghargaan dunia menerusi penulisan karya yang merentas bidang tanpa mengira keupayaan akademik pengkarya (Zaini Ujang, 2007).

Seterusnya, penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu terus menyerlah sebagai bahasa ilmu tinggi melalui Kesarjanaan Akademia Melayu yang telah bangkit berkembang sejak kemerdekaan negara secara khusus membicarakan bidang tujahan pengajian Melayu (Noor Rohana Mansor, 2014). Menurut Roosfa Hashim (2011) kewibawaan dan perkembangan kesarjanaan akademia pengajian Melayu dapat dikesan melalui empat aspek iaitu pertumbuhan pelbagai institusi yang berkaitan pengajian Melayu, wacana dalam pelbagai persidangan dan simposium peringkat kebangsaan dan antarabangsa, penyelidikan dan penerbitan.

Sehingga kini, usaha kesarjanaan akademia Melayu masih berterusan dengan meluasnya penerbitan jurnal ilmiah yang menjadi pentas untuk para sarjana berkarya dan mendesiminasikan penulisan merentas maya. Penulisan dalam jurnal-jurnal ilmiah ini juga merentas kepelbagaian bidang dan mencapai tahap jurnal berwasit. Semua IPTA negara kini masih giat dan rancak menjenamakan hasil penerbitan ilmiah mereka ke tahap global walaupun dalam pelbagai bidang dan sub bidang tujahan pengajian Melayu. Dalam bidang linguistik lahirnya *Jurnal Dewan Bahasa*, *Malay Literature*, *Jurnal Bahasa* dan *Jurnal Jendela Alam*; *Jurnal Sari* menjadi forum perbahasan sejarah-peradaban Melayu; Jurnal Filologi Melayu merupakan pentas perbahasan dan pendokumentasian hal-hal manuskrip *Melayu; Perisa* menghasilkan karya genre puisi; Jurnal Peradaban Melayu dan Melayu; serta *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* yang memberi ruang bagi perbahasan, perbincangan dan penghujahan tentang pelbagai isu yang meluas bersangkutan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan serta peradaban Melayu (Roosfa Hashim, 2011). Justeru bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi dan pemikiran jelas memainkan peranannya secara ilmiah bagi mengangkat kesarjanaan akademia Melayu ke tahap global. Bahasa Melayu dan peradaban Melayu tersebar ke pelosok dunia dengan adanya kesarjanaan Melayu yang mendesiminasikan karya penulisan merentas bidang menerusi penerbitan ilmiah. Malah kini penerbitan jurnal secara atas talian memenuhi keperluan global yang memungkinkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi berada di martabat dunia.

Jelas sekali keupayaan penulisan dan penerbitan ilmiah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai wahana penyampaian ilmu merentas bidang adalah kukuh dan mantap. Bahasa Melayu telah mencapai status bahasa ilmu tinggi tanpa was-was malah seharusnya generasi akademia kini meneruskan kesinambungan berkarya dengan yakin menggunakan bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu menerusi kepakaran dalam bidang mereka.

Namun demikian, usaha untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi

negara dalam persada penerbitan ilmiah juga menghadapi kekangannya dalam konteks penyebaran ilmu. Selaras dengan kenyataan ini Ibrahim Komoo (2014) turut menekankan bahawa isu asas yang mendasari kekangan ini adalah dari segi keiltizaman dan keupayaan kalangan ilmuwan yang yakin dan berupaya untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam menghasilkan penulisan dan penerbitan bidang kepakaran mereka. Menurut beliau kebanyakan ahli akademik di IPTA boleh menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi efektif tetapi kurang mampu menggunakannya sebagai bahasa ilmu. Hal ini terjadi disebabkan mereka tidak membiasakan diri dan menjadikan amalan untuk menulis kerana beranggapan kualiti bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu masih rendah serta tiada nilai ekonomi.

Cabaran sikap liberalisme dalam kalangan masyarakat Melayu (Nik Safiah Karim, 2013) menyaksikan mereka percaya hanya bahasa Inggeris sahaja bahasa yang perlu diterima sebagai bahasa ilmu bertaraf global. Malah bahasa Inggeris juga diyakini dapat memacu kemajuan negara. Ketidakyakinan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga turut disumbangkan oleh pihak kerajaan sendiri secara tersiratnya dalam konteks sistem pendidikan negara khususnya selepas era tahun 2003 apabila beberapa dasar kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sains dan teknologi diperkenalkan di sekolah menengah (Ibrahim Komoo, 2014). Namun sejauh manakah usaha dan kebertanggungjawaban ini dapat diteruskan dan diterima sewajarnya masih menjadi tanda tanya!

Ekoran daripada ini, satu kajian telah dilaksanakan oleh UMT yang turut menjelaskan dapatan berhubung ketidakyakinan terhadap kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. "*Senario pengamalan bahasa Melayu di IPTA negara secara jujurnya telah mencerminkan ketidakyakinan kita sendiri terhadap bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang digalas oleh bahasa Melayu selama ini sebagai wahana penyampaian ilmu dalam sistem pendidikan Negara*" (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2013). Nah, jika golongan IPTA sendiri tidak yakin dengan keupayaan Bahasa Melayu, bagaimanakah bahasa ini akan diangkat sebagai bahasa ilmu tinggi? Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan berkaitan pengamalan bahasa Melayu di IPTA ini telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih dipertikaikan peranannya sebagai bahasa ilmu di peringkat IPTA Malaysia, walaupun terdapat usaha untuk membawa bahasa Melayu menjunjung bidang keilmuan di IPTA. Hasil kajian telah jelas menidakkan mandat bahasa Melayu di IPTA negara seperti yang telah termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Justeru martabat bahasa Melayu perlu dinaikkan kembali. Semua pihak perlu bergabung tenaga dan memainkan peranan penting untuk memelihara dan memperkasa bahasa Melayu supaya gah dan diterima sebagai bahasa ilmu tinggi.

## Metodologi

Kajian kes ini melibatkan 13 Kluster yang bernaung di bawah Majlis Profesor Negara (MPN) dalam tahun 2014. 10 orang Profesor dipilih secara rawak bagi setiap kluster dengan jumlah keseluruhan seramai 130 orang daripada 20 IPTA di Malaysia yang melibatkan 94 (72%) lelaki dan 36 (28%) perempuan. Penilaian dilaksanakan ke atas penerbitan ilmiah yang difokuskan kepada tiga kategori utama iaitu penerbitan buku (buku, monograf, bab dalam buku), artikel dalam jurnal dan artikel dalam prosiding. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menganalisis dan mengkaji sejauh manakah para ilmuwan di Malaysia melibatkan diri dalam penulisan dan penerbitan ilmiah bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi selaras dengan usaha negara kita untuk memartabatkan bahasa Melayu.

## Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mempamerkan penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam

kalangan ilmuwan negara didominasi oleh bahasa Inggeris dengan catatan sebanyak 86% dan bahasa Melayu hanya 14%. Bagi kategori buku, bahasa Melayu hanya merangkumi 34% manakala bahasa Inggeris sebanyak 66%. Bagi kategori jurnal pula, hanya 8% diterbitkan dalam bahasa Melayu dan 92% diterbitkan dalam bahasa Inggeris manakala prosiding mencatat 11% dalam bahasa Melayu dan 89% dalam bahasa Inggeris.

Pengamalan bahasa Melayu di IPTA negara secara jujurnya telah mencerminkan ketidakyakinan kita sendiri terhadap bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang digalas oleh bahasa Melayu selama ini sebagai wahana penyampaian ilmu dalam sistem pendidikan Negara (Noraien & Noor Rohana, 2013). Terdapat ramai rakyat Malaysia, termasuk orang Melayu yang berpengaruh, tidak yakin bahasa Melayu boleh digunakan sebagai bahasa ilmu tinggi, kerana percaya hanya bahasa Inggeris sahaja sebagai bahasa global (Ibrahim Komoo, 2013). Malah "Ramai ahli akademik termasuk Melayu, yang yakin bahawa bahasa Inggeris sahaja yang unggul dan bersama-sama meraih kedudukan dalam arena tempatan atau arena global (Ibrahim Komoo, 2013). Justeru, jika golongan akademia dan ilmuwan negara sendiri tidak yakin dengan keupayaan Bahasa Melayu, maka akan sukarlah bahasa ini untuk dijulang sebagai bahasa ilmu tinggi. "Pengamalan bahasa Melayu di IPTA menunjukkan bahasa Melayu masih dipertikaikan peranannya sebagai bahasa ilmu di peringkat IPTA Malaysia, walaupun terdapat usaha untuk membawa bahasa Melayu menjunjung bidang keilmuan di IPTA (Noraien & Noor Rohana, 2013).

Kajian ***Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu Tinggi dalam Kalangan Ilmuwan Negara*** memaparkan bahasa Inggeris mendominasi penerbitan ilmiah bagi ketiga-tiga kategori yang dikaji iaitu penerbitan buku, artikel dalam jurnal dan artikel dalam prosiding. Dapatan kajian kali ini selari dengan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Noraien & Noor Rohana, 2013, yang mendapati bahawa "…penerbitan secara khusus dalam aspek penerbitan artikel jurnal, jurnal dan modul pengajaran masih memperlihatkan bahasa Inggeris sebagai media utama penyampaian dan penghasilan karya". Daripada 13 kluster yang terlibat dalam kajian ini, hanya **Kluster Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa** mencapai peratusan yang seimbang dalam penerbitan ilmiah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Malah penerbitan bagi kategori buku dalam bahasa Melayu merupakan hanya satu-satunya kluster yang mencapai tahap 73% dalam bahasa Melayu berbanding 23% dalam bahasa Inggeris. Kesemua kluster yang terlibat memperlihatkan penghasilan karya penerbitan ilmiah yang tertinggi dalam bahasa Inggeris terutama bagi kategori penerbitan artikel dalam jurnal dan artikel dalam prosiding.




Keseluruhan Penerbitan




Keseluruhan Penerbitan Buku




Keseluruhan Penerbitan Artikel dalam Jurnal




Keseluruhan Penerbitan Artikel dalam Prosiding

## Kesimpulan

Amat jelas dan ketara sekali, penerbitan ilmiah bagi semua kluster diungguli oleh penerbitan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tidak menjadi pilihan atau keutamaan dalam kalangan ilmuwan untuk melaksanakan penerbitan ilmiah mereka. Walaupun majoriti daripada IPTA di Malaysia melaksanakan dasar penerbitan dalam bahasa Melayu (Noraien & Noor Rohana, 2013), namun dasar yang diamalkan tidak menjadi praktis yang utama dalam kalangan ilmuwan di IPTA untuk menghasilkan pengkaryaan mereka dalam bahasa ibunda. Situasi ini masih jelas memaparkan IPTA di Malaysia tidak memberi sumbangan yang memberangsangkan atau mengambil peranan untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang penerbitan walaupun sudah dalam makluman mereka bahawa bidang ini merupakan agen terpenting yang boleh mengangkat bahasa ibunda kita ke peringkat global. Justeru, di manakah peranan kita sebagai ilmuwan negara untuk turut sama terlibat dalam menangani isu ini secara serius jika ingin melihat bahasa Melayu termartabat di persada dunia? Tepuk dada, tanyalah selera, semoga permasalahan sebegini tidak berterusan dan kesedaran diwujudkan untuk mencapai percikan kegemilangan pemartabatan bahasa Melayu di peringkat glokal dan global. Semua pihak perlu bergabung tenaga dan memainkan peranan penting untuk memelihara dan memperkasa bahasa Melayu supaya gah dan diterima sebagai bahasa ilmu tinggi.

## Rujukan

Abdul Hamid Mahmood. (1995). *Cabaran dan Harapan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu*. Kongres Bahasa Melayu Sedunia. 21-25 Ogos 1995. Kuala Lumpur.

Awang Sariyan. (1995). Sinarnya Satu Idealisme. Pelita Bahasa. Januari. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Ibrahim Komoo. (2014). Istilah Sains dan Teknologi: Pembinaan, Penggunaan dan Penerimaan di IPT Malaysia. Kertas Kerja Seminar Kebahasaan MABBIM Ke-53. Hotel Santika, Taman Mini Indah Indonesia. Jakarta, Indonesia.

Nik Safiah Karim. (2013). *Bahasa Melayu di Pesisir Wilayah Timur*. Kolokium Peradaban Melayu Pesisir Wilayah Timur. 14 November 2013. Kuala Terengganu.

Noor Rohana Mansor. (2014). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu Tinggi: Pembudayaan dan Pengilmuan Bahasa Kebangsaan. Kuala Terengganu. (dalam proses penerbitan).

Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor. (2013). Bahasa Melayu: Realiti dan Harapan. Kuala Terengganu: Penerbit UMT.

Roosfa Hashim. (2011). Perkembangan Jurnal Ilmiah Melayu dalam Kalangan Melayu Watan. *Jurnal Melayu,* (6)2011: 137-152.

Shellabear, W. G. (1902). *A Malay-English Vocabulary.* Singapore: Publisher unknown.

Teo Kok Seong. (2013). Dialog Bahasa Melayu: Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu Tinggi. Kuala Terengganu: Penerbit UMT.

Zaini Ujang. (2007). Mengangkasakan Penerbitan Akademik. Berita Harian, 26 November 2007. Kuala Lumpur.